

KUALITI HADITH DALAM KITAB *USUL AL-TAWHID* KARYA TUAN HUSAYN KEDAH TUMPUAN KEPADA HADITH PADA BAB ZAKAT

Mohd Ikram b. Mohd Nawi,
Dr. Latifah bt. Abdul Majid,
Dr. Ahamad Asmadi b. Sakat
Khairul Anwar b. Abdul Manaf,
Muhammad Syafee Salihin bin Hasan

ABSTRAK

Kitab *Usul al-Tawhid Fi Ma'rifat Turuq al-Iman Lirrab al-Majid* merupakan hasil cetusan idea Syeikh Husayn Nasir Bin Muhammad Tayyib al-Mas'udiy al-Banjariy yang masyhur dengan panggilan Tuan Husayn Kedah dalam membicarakan tentang falsafah ilmu *tawhid* dan ilmu *fiqh* yang berkisarkan tentang *maw'izah* (pengajaran) dan bimbingan agama. Dalam perbincangan kitab tersebut, banyak dinukilkan hadith-hadith tanpa membawakan rantaian sanad yang lengkap, selain tidak menjelaskan sumber dan status hadith tersebut. Memandangkan karya ini turut dijadikan antara kitab pengajian di pondok-pondok, maka seharusnya isi kandungan hadith-hadith yang tidak jelas statusnya yang terdapat di dalam kitab ini perlu dilakukan penambahbaikan atau dikaji dan diberi penjelasan terlebih dahulu. Justeru, kajian terhadap hadith dalam kitab ini dilakukan dengan menggunakan *takhrij* dan *tashih* bagi mengenalpasti sumber sesebuah hadith daripada *masdar al-asliyyah* serta menjelaskan kedudukan setiap hadith tersebut sama ada bertaraf *maqbul* atau *mardud*. Hasil analisis terhadap 23 buah hadith mendapati bahawa hadith yang dikategorikan sebagai *maqbul* berjumlah sebanyak 21 buah hadith dan yang bertaraf *mardud* sebanyak 2 buah hadith kesemuanya daripada jumlah hadith yang dikaji. Hasil kajian tersebut adalah dirangkumi dengan sebanyak 19 hadith *sahih*, 2 hadith *hasan* dan 2 hadith *da'if*. Penjelasan ini penting bagi memastikan kesahihan al-Sunnah kekal tulin sebagaimana yang disampaikan oleh Rasulullah s.a.w.

PENDAHULUAN

al-Quran dan al-Sunnah merupakan sumber utama perundangan Islam yang tidak boleh lagi dipertikaikan kewajipan menjadikan keduanya sebagai satu pegangan hidup sepanjang zaman. Keaslian al-Quran sebagai sumber utama syariat dalam Islam tidak perlu diragukan lagi tentang keasliannya, tetapi al-Sunnah perlu dinilai terlebih dahulu sebelum kita menjadikannya sebagai suatu pegangan dan juga sebagai fakta agama.

Kitab *Usul al-Tawhid* yang ditulis oleh Syeikh Husayn Nasir Bin Muhammad Tayyib al-Mas^udiy al-Banjariy yang masyhur dengan panggilan Tuan Husayn Kedah, merupakan sebuah karya yang membicarakan tentang falsafah ilmu *tawhid* dan ilmu *fiqh* yang berkisarkan tentang *maw^uizah* (pengajaran) dan bimbingan agama. Kitab ini banyak diguna pakai di kebanyakan masjid, pondok dan juga pusat pengajian di Malaysia terutamanya di utara semenanjung. Nama penuh bagi kitab ini ialah *Usul al-Tawhid Fi Ma^urifat Turuq al-Iman Lirrab al-Majid*.

Kitab ini mengandungi sebanyak 90 buah hadith kesemuanya yang mana di antaranya terdapat hadith yang tidak dinyatakan oleh pengarang tentang status dan martabat hadith-hadith tersebut sama ada *maqbul* ataupun *mardud*. Kajian ini bertujuan mengenalpasti dan menganalisis kualiti hadith-hadith yang terkandung di dalam kitab ini, iaitu kitab *Usul al-Tawhid* sehingga dapat diketahui nilai hadith-hadithnya serta menetapkan hukum sebenar bagi setiap hadith yang ingin dikaji.

PERMASALAHAN KAJIAN

Fokus utama kajian ini ialah kitab *Usul al-Tawhid*. Jika diteliti hadith-hadith yang diutarakan di dalamnya, kebanyakan daripada hadith-hadith tersebut tidak diletakkan *sanad* dan hukum hadith. Oleh yang demikian, didapati terdapat permasalahan yang timbul pada kitab tersebut, antaranya sumber-sumber hadith yang dikemukakan adalah tidak jelas dan juga tiada penjesalan terhadap hukum hadith.

Ahmad Majdi (2010) dalam kajiannya mengesahkan bahawa terdapat sebilangan hadith di dalam kitab *Usul al-Tawhid* yang bertaraf *mardud*. Kajian yang dilakukan tersebut hanya terhad kepada 43 hadith sahaja daripada keseluruhan hadith iaitu lebih kurang 90 buah. Ini bermakna kajian yang dilakukan oleh beliau masih lagi tidak lengkap dan tidak menyeluruh dan memungkinkan kajian lanjutan dilakukan sehingga keseluruhan hadith di dalam kitab tersebut diketahui dengan terperinci sumber pengambilan hadith-hadith tersebut dan juga menjelaskan rantaian sanad dan hukum hadith bagi mengetahui kedudukan sebenar penggunaan hadith dalam kitab *Usul al-Tawhid* secara lebih jelas.

Menurut Noraine Abu (2006), kitab ini telah banyak kali diulang cetak dan banyak digunakan di pondok-pondok. Seperti yang sedia maklum, institusi pondok merupakan antara institusi pengajian agama yang terbesar di Malaysia. Memandangkan karya ini turut dijadikan antara kitab pengajian di pondok-pondok, maka seharusnya isi kandungan hadith-hadith yang tidak jelas statusnya yang terdapat di dalam kitab ini perlu dilakukan penambahbaikan atau dikaji dan diberi penjelasan terlebih dahulu. Ia adalah sebagai langkah berjaga-jaga bagi memastikan kekemasan penulisan terpelihara dari kemungkinan terdapat di antaranya hadith yang tertolak di samping hadith-hadith yang boleh diterima seperti *sahih* dan *hasan*.

Justeru usaha *mentakhrij* hadith-hadith yang terdapat di dalam kitab *Usul al-Tawhid* adalah perlu bagi memastikan karya ini terus terpelihara. Malah yang paling penting adalah untuk memastikan ilmu Islam berkembang dengan berpandukan sumber yang sahih. Dalam masa yang sama kita dapat menilai dan meletakkan kitab tersebut sesuai pada kedudukan sepatutnya.

Latifah Abdul Majid (2008) menjelaskan bahawa Tuan Husayn Kedah merupakan antara salah seorang ulama Tanah Melayu yang mempunyai kepakaran dalam bidang hadith. Namun, kenyataan ini akan kelihatan berselisihan sekiranya terdapat pada karya-karya nukilan Tuan Husayn Kedah turut dimuatkan dengan nas-nas hadith yang tertolak. Malah ianya mungkin boleh menimbulkan persoalan dari kalangan masyarakat secara umumnya bahawa bagaimanakah tahap kredibiliti Tuan Husayn Kedah sehinggakan terdapat juga nas-nas hadith bertaraf *da'if* di dalam karya beliau. Dengan yang demikian, kajian lanjutan terhadap hadith-hadith di dalam *Usul al-Tawhid* perlu diteruskan bagi mengenalpasti adakah terdapat penguat-penguat lain bagi hadith yang tertolak pada kitab tersebut yang mana dalam masa yang sama juga dapat diperjelaskan metode penggunaan hadith tersebut sekiranya ianya tertolak. Ini juga memungkinkan kajian terhadap biografi Tuan Husayn Kedah perlu diperincikan lagi bagi menjelaskan kekredibilitian beliau dalam bidang hadith.

Kajian ini juga dilihat sebagai meneruskan kesinambungan usaha pengarang kitab ini yang berlapang dada menerima teguran dan minta diperbetulkan jika terdapat kesalahan dalam penulisan beliau dalam memastikan penulisan beliau ini terus berada dalam keadaan yang terselamat dari segala *'illah* (kecacatan) yang mungkin beliau terlepas pandang. Kata-kata ini dinukil sendiri oleh pengarang, Tuan Husayn Kedah pada permulaan kitab beliau ini;

“Dan barang yang datang ia atas kesilapan atau ganggu ibaratnya, maka iaitu daripada hati hamba yang hina lagi keruh ini. Maka hamba harap daripada segala ikhwan yang melihat akan ia akan cederanya itu membetul akan dia”

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dijalankan untuk menganalisis kualiti hadith-hadith yang telah dibawakan di dalam kitab *Usul al-Tawhid* sehingga dapat diketahui nilai hadith-hadithnya serta menetapkan hukum sebenar bagi setiap hadith yang ingin dikaji. Dengan ini dapatan kajian diharapkan dapat memantapkan lagi penggunaan kitab ini di kalangan masyarakat, selain mempercambahkan lagi ilmu takhrij hadith. Secara ringkasnya, kajian ini diharapkan akan mencapai objektif seperti berikut :

1. Mengenalpasti sumber pengambilan hadith di dalam kitab *Usul al-Tawhid* dengan menggunakan ilmu takhrij hadith.
2. Menganalisis dan menjelaskan status hadith yang terdapat di dalam kitab *Usul al-Tawhid* sekiranya sesuatu hadith tergolong dalam kategori mardud sama ada terdapat penguat atau altanetif lain bagi hadith tersebut.
3. Menjelaskan ketokohan pengarang kitab *Usul al-Tawhid* terutama kekredibilitian dan keintelektualan beliau dalam bidang hadith.

LIMITASI KAJIAN

Kajian *takhrij* hadith pada kitab *Usul al-Tawhid* ini merupakan kesinambungan daripada kajian yang pernah dilakukan pada sebelumnya. Maka kajian pada kali ini adalah menyambung proses *mentakhrij* hadith ke atas hadith-hadith yang belum lagi dikaji oleh pengkaji sebelum ini dan sama sekali tidak akan menyentuh hadith-hadith yang telah dikaji. Skop kajian pada kali ini hanya akan difokuskan kepada hadith-hadith pada bab “*fasl fi ma yata[‘]allaq bi al-zakah*”. Pada bab ini terdapat sebanyak 23 buah hadith yang perlu dianalisis.

Kajian ini juga hanya difokuskan kepada hadith-hadith yang dinyatakan dengan jelas sahaja oleh pengarang sama ada teks hadith dalam bahasa arab ataupun terjemahan maksud sesebuah hadith. Kajian *takhrij* juga akan merujuk kepada kitab-kitab hadith yang muktabar iaitu *Kutub al-Sittah* terlebih dahulu dan sekiranya kajian memerlukan kepada skop yang lebih luas maka barulah rujukan di perluaskan kepada sumber asli hadith yang lain.

Takhrij hadith juga dilakukan berdasarkan isyarat yang dilakukan oleh pengarang sebagai contoh hadith riwayat al-Tirmidhi, maka *takhrij* akan dilaksanakan dengan mengkaji hadith yang diriwayatkan oleh al-Tirmidhi terlebih dahulu, kemudiannya barulah di *takhrij* hadith *shawahid* dan *mutaba'at* di dalam *Kutub al-Sittah*, dan jikalau tiada barulah diperluaskan kepada kitab-kitab asli hadith yang lain.

Seterusnya, dalam kaedah menghukum hadith pula ianya merangkumi dua aspek iaitu hadith *maqbul* dan *mardud*, bagi hadith yang *maqbul* tidak akan diperincikan perbincangan perawinya manakala bagi hadith *mardud* pula akan diberikan penjelasan.

METODOLOGI KAJIAN

Kaedah yang digunakan dalam kajian ini adalah dengan meneliti setiap nas-nas hadith yang terdapat di dalam kitab *Usul al-Tawhid* pada bab, *fasl fi ma yata'allaq bi al-zakah*. Setiap hadith yang dikaji akan dicari sumber asal dan pandangan para ulama dalam usaha memperolehi maklumat yang tepat terhadap hadith-hadith tersebut. Manakala dalam proses meletakkan hukum hadith, kaedah-kaedah berikut akan diaplikasikan di dalam kajian ini:

1. Kaedah *Takhrij*;
Dalam melengkapkan maklumat-maklumat sesebuah hadith yang terdapat dalam kitab yang dikaji, *takhrij* akan dilakukan dengan merujuk kepada sumber kitab-kitab hadith muktabar terlebih dahulu iaitu *al-Kutub al-Sittah* seperti *Sahih al-Bukhari*, *Sahih Muslim*, *Sunan Abi Dawud*, *Sunan al-Tirmidhi*, *Sunan al-Nasa'i* dan *Sunan Ibn Majah*. Sekiranya hadith kajian tidak didapati di dalam *al-Kutub al-Sittah*, maka kajian akan diperluaskan lagi kepada kitab-kitab hadith yang lain.
2. Kaedah *Tashih*;
Tashih merupakan satu penetapan yang dibuat ke atas sesuatu periwayatan yang menunjukkan bahawa ianya telah diteliti dan dipastikan ia adalah sahih sebagaimana ditulis¹. Kaedah ini akan menentukan kualiti sesuatu hadith itu dapat diketahui sama ada ianya *maqbul* atau *mardud*. Kaedah ini dilaksanakan sebagaimana berikut:
 - i. Sekiranya hadith tersebut merupakan sepakat riwayat al-Bukhārī dan Muslim, maka hadith tersebut dihukumkan *sahih* tanpa perlu diperjelaskan.
 - ii. Manakala bagi hadith riwayat daripada Abū Dāwūd, al-Tirmīdhī, al-Nasā'ī dan Ibn Majāh, pengkaji akan mengambil kira *tashih* yang dibuat oleh pengarang tersebut dan ulama-

¹ Sayyid 'Abdul Majid Ghawri, 2012, *Mu'jam al-Mustalahat al-Hadith*, hlm. 161.

ulama yang *mentahqiq* karya-karya mereka dan sekiranya hadith berada dalam ketagori *mardud*, perbincangan tentang kelemahan hadith tersebut akan diperjelaskan dan hukum hadith tersebut juga akan ditentukan mengikut pandangan ulama.

- iii. Hasil kajian kemudiannya akan dikelaskan mengikut dua bahagian iaitu *maqbul* dan *mardud*. Hadis *maqbul* terdiri daripada kumpulan hadith-hadith *sahih* dan *hasan* manakala *mardud* pula terdiri daripada kumpulan hadith *da'if*.

DAPATAN KAJIAN

Setelah selesai kajian kualiti dan status terhadap hadith-hadith pada bab *fasl fi ma yata'allaq bi al-zakah* dalam kitab *Usul al-Tawhid* yang berjumlah 23 buah hadith kesemuanya, dapatlah disimpulkan sebagaimana berikut:

1. Kesemua hadith pada bab ini, *fasl fi ma yata'allaq bi al-zakah*, dengan jumlah 23 kesemuanya dicatatkan oleh Tuan Husayn Kedah dengan mengekalkan matan berbahasa Arab dan kesemua hadith tersebut dinukilkan dengan tanpa sanad.
2. Hasil sepanjang kajian ini dijalankan mendapati terdapat sebanyak 19 hadith *sahih*, 2 hadith *hasan* dan 2 hadith *da'if* daripada kesemua hadith yang dikaji. Kemudian hasil kajian dibahagi kepada dua kategori iaitu *maqbul* dan *mardud*. Maka hasil kajian mendapati bahawa hadith *maqbul* berjumlah sebanyak 21 buah hadith dan yang bertaraf *mardud* sebanyak 2 buah hadith kesemuanya daripada jumlah hadith yang dikaji iaitu 23 buah hadith.

Walaupun bagaimanapun, mengikut hasil kajian yang dijalankan ini, keberadaan hadith *da'if* dalam perbincangan yang dibawakan Tuan Husayn Kedah sedikit pun tidak menjatuhkan kredibiliti beliau sebagai ulama yang disegani setelah diteliti kepada metode penulisan hadith beliau pada kitab ini. Ini kerana hadith bertaraf *da'if* yang dibawakan bukanlah menjadi dalil utama bagi perbincangan yang dibawakan. Malah jika diperhalusi dan dilakukan penelitian kembali, makna bagi lafaz matan hadith tersebut adalah *sahih* dan ianya adalah dipersetujui oleh ulama. Sebagai contoh hadith yang telah dibawakan oleh Tuan Husayn Kedah:

الرِّكَاءُ فَنَطْرَةُ الْإِسْلَامِ¹

Maksudnya: “Bermula zakat, iaitu titian Islam yang dilalui daripadanya kepada Islam”

¹ Tuan Husayn Kedah, t.th., *Usul al-Tawhid fi Ma'rifah Turuq al-Iman lirrab al-Majid*, hlm. 65.

1. Diriwayatkan oleh al-Tabarani di dalam *al-Mu'jam al-Awsat, bab man ismuh : miqdam*, no. hadith 8937¹.
2. Diriwayatkan oleh al-Bayhaqi di dalam *al-Jami' li Shu'ab al-Iman, bab al-tashdid 'ala man' i zakat al-mal*, no. hadith 303².
3. Diriwayatkan oleh al-Quda'i di dalam *Musnad Shihab al-Quda'i, bab al-zakah qantarar al-islam*, no. hadis 270³.
4. Diriwayatkan oleh Ibn Shahin di dalam *Majmu', al-Kitab al-Rabi', al-Juz' al-Khamis min al-'Afrad*, no. hadith 75⁴.
5. Diriwayatkan oleh Ibn 'Udiy al-Jurjaniy di dalam *al-Kamil fi Du'fa' al-Rijal, (947) al-Dahhak bin Humrah, Wasitiy aslahu shamiy*, no. hadith 9361⁵.

al-Tabarani menjelaskan bahawa hadith ini adalah *hadith gharib* hanya Baqiyyah sahaja secara bersendirian yang meriwayatkannya menerusi jalur sanad daripada Abu Darda'⁶.

Ibn Shahin turut menyatakan bahawa hadith ini merupakan *hadith gharib*, tidak mengetahui siapa yang meriwayatkan daripada al-Dahhak bin Humrah melainkan Baqiyyah bin al-Walid⁷.

Kesemua jalur *sanad* hadith dari periwayatan di atas terdapat padanya perawi yang telah dinilai bermasalah oleh para ulama hadith, iaitu:

1. al-Dahhak bin Humrah;
Ibn 'Udiy al-Jurjaniy⁸ di dalam *al-Kamil fi Du'fa' al-Rijal*, menyatakan beliau ialah al-Dahhak bin Humrah Wasitiy asalnya Shamiy. Beliau turut menukulkan pandangan ulama, Yahya bin Ma'in mengatakan bahawa al-Dahhak bin Humrah *laysa bidhalik*⁹ dan juga kata-kata dari al-Nasa'i bahawa al-Dahhak bin Humrah *laysa bithiqah*¹⁰. Manakala menurut al-

¹ al-Tabarani, 1995M/1415H, *al-Mu'jam al-Awsat*, jil. 8, hlm. 380-381.

² al-Bayhaqi, 2003M/1423H, *al-Jami' li Shu'ab al-Iman*, jil. 5, hlm. 20.

³ al-Quda'i, 1985M/1405H, *Musnad al-Shihab*, jil. 1, hlm. 183-184.

⁴ Ibn Shahin, 1994M/1415H, *Majmu' Fih Min Musannafat al-Hafiz Abi Hafis 'Umar bin Ahmad bin Shahin*, hlm. 274.

⁵ Ibn 'Udiy al-Jurjaniy, t.th., *al-Kamil fi Du'fa' al-Rijal*, jil. 6, hlm. 334-335.

⁶ al-Tabarani, 1995M/1415H, *al-Mu'jam al-Awsat*, jil. 8, hlm. 380.

⁷ Ibn Shahin, 1994M/1415H, *Majmu' Fih Min Musannafat al-Hafiz Abi Hafis 'Umar bin Ahmad bin Shahin*, hlm. 274.

⁸ Ibn 'Udiy al-Jurjaniy, t.th., *al-Kamil fi Du'fa' al-Rijal*, jil. 6, hlm. 334-335.

⁹ Bermaksud seorang perawi yang agak lemah dan longgar (tidak teliti) dengan apa yang diriwayatkannya. Hadith perawi yang disifatkan dengan lafaz ini boleh ditulis dan dilihat untuk dijadikan dalil penyokong.

¹⁰ *Laysa bithiqah* bermaksud bukan seorang yang *thiqah*. Perawi yang digambarkan dengan sifat ini, hadithnya tidak boleh dijadikan hujah ataupun dalil penyokong.

Dhahabi¹ yang menukilkan daripada ‘Amru ibn Shu‘ayb, al-Nasa’i mengatakan bahawa al-Dahhak adalah *laysa bithiqah* dan al-Bukhari mengatakan bahawa beliau (al-Dahhak) adalah *munkar al-hadith*².

2. Baqiyyah bin al-Walid;

Beliau ialah Baqiyyah bin al-Walid bin Sa’id, Abu Yuhmid al-Himiriyy al-Kala‘iy al-Maytamiyy al-Himsiy. Menurut al-Dhahabi³ Baqiyyah seorang *al-hafiz*⁴ dan ulama hadith membenarkan pada apa yang didengari beliau sekiranya daripada *al-thiqat*. Beliau menukilkan pendapat ulama tentang kredibiliti Baqiyyah bin al-Walid, antaranya, kata-kata dari Yahya bin Ma‘in bahawa Baqiyyah adalah *thiqah* sekiranya meriwayatkan daripada *al-thiqat*. Kata-kata dari al-Nasa’i dan yang lain bahawa sekiranya beliau mengatakan *haddathana* atau *akhbarana* maka ia adalah *thiqah* dan ramai yang mengatakan bahawa beliau adalah *mudallis*⁵ sekiranya dikatakan ‘an, maka ianya *laysa bihujjah*⁶.

Ibn Hajar⁷ dalam *Ta‘rif Ahl al-Ta‘dis Bi Maratib al-Mausufin Bi al-Tadlis* menyatakan Baqiyyah seorang *muhaddith* yang masyhur, tetapi banyak melakukan *tadlis*⁸ dari kalangan *al-du‘afa’* dan *al-majhulin*. Manakala di dalam *Taqrib al-Tahdhib*⁹, beliau mengatakan bahawa Baqiyyah seorang yang *saduq* tetapi banyak melakukan *tadlis* dari kalangan *al-du‘afa’*.

¹ al-Dhahabi, 2009M/1430H, *Mizān al-ʿitidāl Fi Naqd al-Rijāl*, jil. 2, hlm. 296.

² *Munkar al-hadith* bermaksud hadith yang diriwayatkan adalah *munkar*. Hadith mereka yang disifatkan dengan sifat ini tidak boleh dijadikan hujah, dan tidak boleh dijadikan dalil penguat.

³ al-Dhahabi, 2009M/1430H, *Mizān al-ʿitidāl Fi Naqd al-Rijāl*, jil. 1, hlm. 331.

⁴ Perawi yang disifatkan dengan sifat ini, hadithnya boleh dijadikan hujah.

⁵ Dari sudut bahasa ianya bermaksud seseorang mendiamkan atau merahsiakan keaiban sesuatu, seperti penjual merahsiakan keaiban barang kepada pembeli. Dari sudut istilah pula ialah perawi yang menyampaikan daripada shaykhnya atau orang yang didengari hadith daripadanya, riwayat yang dia tidak mendengar daripada mereka dengan suatu bentuk lafaz yang membayangkan seolah-olah ia mendengarkannya. Hukum ke atas perawi ini adalah diterima hadith perawi ini sekiranya dia adalah *thiqah* dan telah meriwayatkannya pula dengan suatu bentuk yang jelas menunjukkan dia mendengarnya.

⁶ Bermaksud bukan menjadi hujah atau dengan kata lain perawi tersebut bukan seorang yang boleh dijadikan pegangan dalam periwayatan hadith. Hadith perawi yang disifatkan dengan sifat ini boleh ditulis dan dilihat untuk dijadikan dalil penyokong.

⁷ Ibn Hajar, t.th., *Ta‘rif Ahl al-Ta‘dis Bi Maratib al-Mausufin Bi al-Tadlis*, hlm. 49.

⁸ Menyembunyikan kecacatan atau tidak menjelaskan keaiban yang terdapat pada sesuatu sanad dan menampakkannya indah pada luarannya.

⁹ Ibn Hajar, t.th., *Taqrib al-Tahdhib*, hlm. 174.

Setelah meneliti beberapa pandangan para ulama dalam membahaskan status *sanad* hadith ini sepertimana yang dibawakan di atas, dapat disimpulkan bahawa hadith ini adalah *hadith gharib*. Perawi yang bernama al-Dahhak bin Humrah telah dinilai lemah oleh ramai ahli hadith antaranya al-Bukhari, al-Nasa'i, Yahya bin Ma'in dan Ibn Hajar. Begitu juga dengan perawi Baqiyyah bin al-Walid yang mana dinilai sebagai seorang yang banyak melakukan *tadlis (mu'an'an)*. Ibn al-Jawzi menyatakan di dalam *al-'Ilal al-Mutanahiyah* bahawasanya hadith ini adalah tidak sah daripada Rasulullah s.a.w¹.

Walaupun bagaimanapun, kajian mendapati keberadaan hadith berstatus *da'if* di dalam perbincangan yang dibawakan Tuan Husayn Kedah ini tidak mencatitkan penulisan beliau kerana beliau turut membawa bersama dalil-dalil dari al-Quran dan nas-nas hadith yang lebih kuat dan *sahih* di dalam perbincangan tersebut.

Sebagai alternatif lain, terdapat hadith *sahih* yang membawa maksud yang sama dalam menjelaskan bahawa zakat merupakan antara prinsip utama di dalam rukun Islam. Ianya sebagaimana yang diriwayatkan oleh al-Bukhari iaitu;

بُنيَ الْإِسْلَامُ عَلَى خَمْسٍ: شَهَادَةِ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ، وَإِقَامِ الصَّلَاةِ، وَإِيتَاءِ الزَّكَاةِ، وَالْحَجِّ، وَصَوْمِ رَمَضَانَ²

dan juga hadith dari periwayatan Muslim, iaitu;

بُنيَ الْإِسْلَامُ عَلَى خَمْسٍ، عَلَى أَنْ يُعْبَدَ اللَّهُ، وَيُكْفَرَ بِمَا دُونَهُ، وَإِقَامِ الصَّلَاةِ، وَإِيتَاءِ الزَّكَاةِ، وَحَجِّ الْبَيْتِ، وَصَوْمِ رَمَضَانَ³

KESIMPULAN

Kitab *Usul al-Tawhid* merupakan antara kitab karangan Tuan Husayn Kedah dan ianya juga merupakan satu usaha murni daripada beliau yang telah ditinggalkan kepada kita yang mana membawakan banyak manfaat kepada masyarakat. Namun keberadaan hadith yang ternilai *da'if* padanya perlu diperhalusi kembali dari sudut metode penulisan agar percanggahan tidak berlaku. Justeru usaha-usaha memperkasa dan menambahbaik perlu digerakkan untuk terus mengekalkan kesinambungan ilmu yang terdapat padanya agar setiap kesamaran dapat diperjelaskan yang akhirnya akan mencetuskan manfaat yang lebih besar kepada masyarakat.

¹ Ibn al-Jawzi, 1983M/1403H, *al-'Ilal al-Mutanahiyah fi al-Ahadith al-Wahiyah*, hlm. 493.

² al-Bukhari, 2002M/1423H. *Sahih al-Bukhari, kitab al-Iman, bab duca'ukum imanukum*, hadith no. 8, hlm. 12.

³ Muslim, t.th., *Sahih Muslim*, jil. 1, *kitab al-Iman, bab qawl al-Nabi s.a.w. buniya al-Islam 'ala khams*, hlm. 45.

RUJUKAN

- 1) Ahmad Majdi bin Yusoff. 2010. *Kajian Takhrij Hadith Dalam Usul Tauhid oleh Husin Nasir Bin Muhammad Tayib (Tuan Husin Kedah)*. Universiti Sains Malaysia (USM).
- 2) al-Bayhaqi, Ahmad Bin al-Husain Bin °Ali. 2003M/1423H. *al-Jami° li Shu°ab al-Iman*. Tahqiq : al-Duktur °Abd al-°Ali °Abd al-Hamid. al-Riyad: Maktabat al-Rushd.
- 3) al-Bukhari, Abu °Abdullah Muhammad bin Isma°il al-Bukhari. 2002M/1423H. *Sahih al-Bukhari*. Edisi pertama. Bayrut: Dar Ibn Kathir.
- 4) al-Dhahabi, Shams al-Din Abū °Abd Allah Muhammad Ibn Ahmad bin °Uthman al-Dhahabi. 2009M/1430H. *Mizān al-Ftidāl Fi Naqd al-Rijāl*. Bayrut: Dār al-Risalat al-°Alamiyyah.
- 5) al-Quda°i, al-Qadi Abi °Abdillah Muhammad Bin Salamah al-Quda°i. 1985M/1405H. *Musnad al-Shihab*. Bayrut: Mu°assat al-Risalah.
- 6) al-Tabarani, Sulayman Bin Ahmad bin Ayyub. 1995M/1415H. *al-Mu°jam al-Awsat*. al-Qahirah: Dar al-Haramain.
- 7) Ibn Hajar al-°Asqalani, Abu al-Fadl Ahmad Bin °Ali bin Muhammad bin Ahmad bin Hajar al-°Asqalani. T.th. *Taqrib al-Tahdhib*. T.tp.: Dar al-°Asimah.
- 8) Ibn Hajar al-°Asqalani, Abu al-Fadl Ahmad Bin °Ali bin Muhammad bin Ahmad bin Hajar al-°Asqalani. T.th. *Ta°rif Ahl al-Taqdis Bi Maratib al-Mausufin Bi al-Tadlis*, Edisi pertama. al-Urdun: Dar al-Manar.
- 9) Ibn al-Jawzi, Jamal al-Din Abi al-Faraj °Abd al-Rahman bin °Ali bin Muhammad bin al-Jawzi. 1983M/1403H. *al-°Ilal al-Mutanahiyah fi al-Ahadith al-Wahiyah*. Edisi pertama. Bayrut: Dar al-Kutub al-°Ilmiyyah.
- 10) Ibn Shahin, al-Hafiz Abi Hafis °Umar bin Ahmad bin Shahin. 1994M/1415H. *Majmu° Fih Min Musannafat al-Hafiz Abi Hafis °Umar bin Ahmad bin Shahin*. Edisi pertama. Kuwait: Dar Ibn al-Aathir.
- 11) Ibn °Udiy al-Jurjaniy, al-Imam al-Hafiz Abi Ahmad °Abdullah bin °Udiy al-Jurjaniy. T.th. *al-Kamil fi Du°fa° al-Rijal*. T.tp.: Maktabat al-Rushd al-Nashirun.
- 12) Latifah Abdul Majid. 2008. *The Bahr al-Madhi Of Shaykh Idris al-Marbawi And The Jawahir al-Bukhari Of Tuan Haji Husayn: Significance Hadith Texts For Malay Muslims As Tools For Religious, Political And Social Teaching During Twentieth Century*. University Of Wales, Lampeter.
- 13) Muslim, Abu al-Husayn Muslim bin al-Hajjaj al-Qushayri al-Naysaburi. T.th. *Sahih Muslim*. Tahqiq Muhammad Fu°ad °Abd al-Baqi. Edisi pertama. T.tp.: Dar Ihya° al-Kutub al-°Arabiyyah.
- 14) Noraine Abu (terj.). 2006. *Usul al-Tawhid Ke Arah Mengenali Jalan-Jalan Keimanan Kepada Allah Yang Maha Agung*. Cet. Pertama. Kuala Lumpur: al-Hidayah Publishers.
- 15) Sayyid °Abdul Majid Ghawri. 2012. *Mu°jam al-Mustalahat al-Hadith*. Selangor: Dar al-Shakir.
- 16) Tuan Husayn Kedah, Husayn Nasir Bin Muhammad Tayyib al-Mas°udi al-Banjari. T.th.. *Usul al-Tawhid fi Ma°rifah Turuq al-Iman lirrab al-Majid*. Patani: Matba°ah bin Halabi.

